

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 09/06/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 16



MOHD. NOORDIN ABBAS (tengah) bersama Abdul Aziz Ishak (kiri), Abdul Fattah Abdullah (dua dari kiri), Hizamuddin Jamaluddin (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan Aidilfitri pada Majlis Meraikan Anak-anak Yatim Kumpulan Utusan sempena Nuzul Quran 2017 bersama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Bank Islam Malaysia Berhad di Jalan Utusan, Off Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur. semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Utusan, Angkasa, Bank Islam rai anak yatim

KUALA LUMPUR 8 Jun - Mengambil keberkatan Ramadan, Kumpulan Utusan dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) terus menjalinkan kerjasama yang memasuki tahun keenam bagi meraikan 54 orang anak yatim.

Menariknya, majlis berbuka puasa yang diadakan di Dewan Utusan di sini turut mendapat kerjasama daripada Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam).

Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas berkata, pihaknya bertemu kasih dengan dua syarikat berkenaan kerana turut prihatin untuk menggembirakan anak-anak yatim terlibat.

"Ibu dan bapa anak-anak yatim ini merupakan kakitangan syarikat yang telah berusaha serta bekerja keras ketika mereka masih hidup, jadi hati kami sentiasa untuk anak-anak ini.

"Harapan kami adalah untuk melihat anak-anak yatim ini ber-

jaya dalam apa jua bidang yang mereka ceburi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Meraikan Anak-Anak Yatim Kumpulan Utusan sempena Nuzul al-Quran 2017 bersama Angkasa dan Bank Islam di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Penggarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah; Ketua Pegawai Strategi Bank Islam, Hizamuddin Jamalluddin; Ketua Pegawai Kewangan Bank Islam, Mohd. Muazzam Mohamed; Ketua Pegawai Syariah Bank Islam, Mohd. Nazri Chik; Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat Angkasa, Borhan Mat Aris dan Yang Dipertua Badan Keluarga Utusan Melayu (BKUM), Saifol Bakhtiar Hamik

Kesemua anak yatim berkenaan menerima sumbangan duit raya daripada Yayasan Kumpulan Utusan dan BKUM selain cenderahati daripada syarikat

pengeluar roti Gardenia dan BOH Plantations Sdn. Bhd.

Dalam pada itu, Abdul Fattah berkata, Angkasa bakal menganjurkan Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia dari 17 hingga 19 November ini sempena Persidangan Global Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICAKL).

Katanya, pelbagai program dan promosi berkaitan dengan perkhidmatan koperasi akan diuarkan sepanjang karnival tersebut.

"Kami berharap menerusi kerjasama erat antara Kumpulan Utusan dan Angkasa dapat membantu kami untuk mendidik masyarakat mengenai manfaat menyimpan menerusi koperasi," ujar beliau.

Sementara itu, Hizamuddin berkata, Boustead Holdings Bhd. (BHB) dan Bank Islam memperuntukkan sebanyak RM800,000 bagi menganjurkan pelbagai program sempena Ramadan.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia